

07 MAY 1999

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH TETAPKAN 20 MEI UNTUK KEPUTUSAN SAMAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 20 Mei ini untuk memberikan keputusan berhubung permohonan Sun Media Corporation Sdn Bhd bagi mengetepikan saman malu RM100 juta yang dikemukakan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap syarikat itu.

Hakim Datuk R. K. Nathan menangguhkan keputusan selepas mendengar hujah dari peguam Anwar, Karpal Singh dan Datuk V.K. Linggam yang mewakili Sun Media, berhubung isu-isu permulaan berkaitan saman itu.

Bagaimanapun, selepas kedua-dua pihak mengakhiri penghujahan mereka, Nathan mengarahkan mereka supaya membuat penghujahan lanjut berhubung perkara-perkara tertentu.

Nathan mahu kedua-dua pihak memberikan penghujahan bertulis berhubung perkara itu selewat-lewatnya Isnin ini kerana beliau memerlukan kira-kira 10 hari untuk meneliti kesemua dokumen sebelum membuat keputusannya.

Sun Media, penerbit akhbar "The Sun", memfailkan saman dalam kamar pada 6 April meminta perintah mahkamah mengenai beberapa isu berkaitan persoalan perlindungan bersyarat seperti yang diakui dalam pembelaan terhadap saman Anwar itu.

Saman dalam kamar itu disokong oleh afidavit pengarah Sun Media Tan Sri Abdul Rahim Din yang berkata adalah wajar bagi mahkamah membicarakan isu-isu itu sebagai isu permulaan demi kepentingan keadilan, untuk menyegerakan penghakiman dan mengambil kira kos yang terbabit.

Dalam afidavit balas yang difailkan pada hari Isnin, Gobind Singh Deo, seorang lagi peguam bekas timbalan perdana menteri itu, berkata tuntutan Sun Media dalam permohonan itu merupakan salah anggapan dan adalah tidak wajar bagi mereka untuk menyelesaikan perkara itu sebagai isu-isu permulaan.

Gobind Singh berkata Anwar berhak mendapatkan perbicaraan secara penuh kerana Sun Media tidak berhak menikmati perlindungan bersyarat.

Anwar, 51, menyaman Sun Media kerana didakwa menyiarkan perkataan fitnah menerusi artikelnya bertajuk "Anwar's behaviour is despicable: PM" pada 23 Sept tahun lepas.

Dalam kenyataan tuntutananya, Anwar berkata Sun Media menerbitkan perkataan fitnah terhadapnya tanpa mengesahkan fakta itu dengannya sebelum menyiarkannya.

Menurutnya Sun Media menyiarkan semula perkataan itu pada 28 Jan, 1999 di bawah tajuk "Report On Sodomy and Masturbation" selepas saman itu dikemukakan dan oleh yang demikian membuat keuntungan daripada penjualannya.

Dalam samannya Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Sun Media, yang sebelum ini dikenali sebagai Sun Media Group Sdn Bhd, pengarah-pengarah, kakitangan dan/atau ejen daripada menyiarkan secara lanjut fitnah yang serupa terhadapnya.

Anwar juga memohon faedah terhadap jumlah itu, kos dan relif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Dalam kenyataan pembelaan, yang difailkan pada 11 Mac, Sun Media yang mengakui menerbitkan perkataan-perkataan itu menegaskan bahawa ia disiarkan berdasarkan perlindungan bersyarat.

Syarikat itu berkata ia adalah sah serta mempunyai tanggungjawab moral dan sosial untuk menyiarkan perkataan-perkataan itu kepada pembaca akhbar tersebut yang mempunyai hak untuk menerima maklumat itu.

Kenyataan pembelaan itu turut terkandung teks penuh mengenai apa yang

dikatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang media yang diadakan pada 22 Sept tahun lepas dan juga soalan-soalan yang dikemukakan oleh wartawan.

Syarikat itu mendakwa adalah tanggungjawab Dr Mahathir untuk menjelaskan kepada orang ramai mengenai pelucutan jawatan Anwar dan adalah menjadi tugas media menyampaikan penjelasan itu kepada orang ramai kerana mereka mempunyai minat bersama untuk mendengar penjelasan itu.

Dalam jawapannya Anwar mendakwa Sun Media gagal mengambil langkah berhati-hati yang bersesuaian ketika menyiarkan perkataan-perkataan itu walaupun beliau (Anwar) menafikan terbabit dalam salahlaku seks sebelum itu.

Menurutnya perlindungan bersyarat itu tidak wajar dinikmati oleh Sun Media.

Secara alternatif Anwar berkata perlindungan bersyarat itu tidak berkesan kerana Sun Media sebenarnya "digerakkan oleh niat jahat" ketika menerbitkan perkataan-perkataan yang menyinggung itu.

Anwar mendakwa Sun Media tidak berusaha untuk mengesahkan kebenaran atau sebaliknya dakwaan-dakwaan itu daripada beliau atau dari pihak yang didakwa terlibat dengan beliau dalam salahlaku seks yang dikatakan itu.

Beliau juga mendakwa bahawa Sun Media menyiarkan perkataan itu kerana mengetahui bahawa beliau berada dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan oleh itu tidak dapat menjawab.

Hari ini Linggam berkata setelah mengambil kira kedudukan kes itu, adalah wajar agar ia dibicarakan sebagai isu permulaan kerana ia akan menjimatkan kos dan masa mahkamah.

Dalam pengujahannya, Karpal berkata ia bukan satu kes yang sesuai untuk dibicarakan sebagai isu permulaan kerana Anwar telah membangkitkan isu "niat jahat" dalam jawapannya kepada pembelaan diri Sun Media.

Oleh itu, katanya, Anwar harus diberikan kebenaran untuk memberi keterangan di mahkamah agar dapat mengutarakan bukti mengenainya.

"Apa yang patut dilakukan Yang Arif, ialah membicarakan kes itu agar perkara itu dapat diselesaikan," kata Karpal.

Beliau menggesa mahkamah supaya mengetepikan permohonan itu.

-- BERNAMA

SBB AKD